

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR**

**[ SETIU ]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kerjasama antara Kerajaan dengan semua pemegang taruh membabitkan pihak syarikat dan penghantar makanan (*p-hailing*) telah dijalankan bagi menyelesaikan isu keselamatan yang membekalkan golongan tersebut di mana hampir 70% "rider" menunggang secara berisiko terutama pada waktu puncak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan dalam tindakan untuk mengawal selia perkhidmatan *p-hailing* di negara ini. Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715), Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) telah diangkat dan diluluskan di peringkat Parlimen pada 16 Jun 2023 dan penetapan tarikh permulaan kuat kuasa kesemua Akta berkenaan ialah pada 15 Oktober 2023.
2. Kerajaan pada masa ini sedang membangunkan Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan dan Pengawal Seliaan) *p-hailing* untuk dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat berkaitan perkhidmatan *p-hailing* ini. Kerajaan akan menetapkan syarat-syarat yang sesuai berkaitan pengoperasian *p-hailing* ini untuk dipatuhi bagi memastikan ianya selamat dari segi operasi, penghantar dan pengguna jalan raya.
3. Bagi memastikan rakan penghantar perkhidmatan *p-hailing* dilindungi, pindaan akta tersebut telah menetapkan supaya individu yang bekerja sendiri yang jatuh di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] adalah diwajibkan untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Dalam pada itu, Kementerian sedang meneliti untuk menetapkan supaya semua penyedia perkhidmatan menyediakan inisiatif perlindungan insurans kepada penunggang, pihak ketiga dan barang.

Sekian, terima kasih.